

KESEDIAAN GURU DALAM PELAKSANAAN SIJIL KEMAHIRAN MALAYSIA DI PROGRAM PENDIDIKAN KHAS INTEGRASI BAGI MURID BERKEPERLUAN PENDIDIKAN KHAS

Nor Zulia Samiran*, Kama Shaffeei, Abdul Rahim Razalli,
Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris,
35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia

*Correspondence email: alifaiman1077@gmail.com

Published: 18 April 2024

To cite this article (APA): Samiran, N. Z., Shaffeei, K., & Razalli, A. R. (2024). Kesiediaan guru dalam pelaksanaan Sijil Kemahiran Malaysia di program Pendidikan Khas Integrasi bagi Murid Berkeperluan Pendidikan Khas. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 17(1), 30–36. <https://doi.org/10.37134/bitara.vol17.1.3.2024>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/bitara.vol17.1.3.2024>

ABSTRAK

Kertas konsep ini membincangkan tentang kesediaan guru dalam pelaksanaan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) di Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) bagi Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK). Kewujudan program Kemahiran Vokasional Spesifik (KVS) yang terdapat dalam salah satu komponen mata pelajaran dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah Pendidikan Khas (KSSMPK) memberi peluang berkaitan pengetahuan dan kemahiran di dalam pekerjaan untuk MBPK. Justeru itu, fokus utama kertas konsep ini ialah untuk mengupas sejauh mana kesediaan guru dalam pelaksanaan Sijil Kemahiran Malaysia di PPKI. Diharap supaya kertas konsep ini dapat menarik perhatian pihak Kementerian Pendidikan Malaysia untuk menilai dari aspek kesediaan guru PPKI dalam pelaksanaan SKM.

Kata Kunci: Sijil Kemahiran Malaysia, KVS, KSSMPK dan Murid Berkeperluan Pendidikan Khas

PENGENALAN

Bahagian Pembangunan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia telah menyediakan perancangan pendidikan vokasional khususnya dalam matapelajaran Kemahiran Vokasional Spesifik (KVS) bagi Kurikulum Sepadu Sekolah Menengah Pendidikan Khas yang diwujudkan sejak tahun 2017 (Kementerian Pendidikan Malaysia, Surat Pekeliling Ikhtisas KPM bil.9, 2016). Pelbagai bidang vokasional telah diperkenalkan dan dipilih oleh Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) untuk murid berkefungsian sederhana bagi memenuhi syarat pelaksanaan KSSMPK.

Kementerian Pendidikan Malaysia melihat MBPK sebagai aset yang penting untuk negara dan juga boleh memberi sumbangan kepada pembangunan ekonomi negara (Kementerian Pendidikan Malaysia, KPM, 2020). Oleh itu, pihak KPM telah membuka peluang kepada MBPK dengan menyediakan program pendidikan vokasional bagi membantu MBPK untuk lebih kompeten dan menyokong bidang TVET sebagai bidang yang bersesuaian untuk MBPK ceburi dan mengambil manfaat terhadap keperluan kerja masa kini ataupun meneroka bidang keusahawanan (Mohamad 2019; Yusof, Mohd Ali, & Mohd Salleh, 2013).

Sejajar dengan keperluan dan kehendak Kementerian Pendidikan Malaysia, pelaksanaan program pendidikan vokasional ini telah mengikut modul kompetensi pertauliahian Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) tahap dua seperti yang termaktub dalam *National Occupational Skills Standard* (NOSS). Ia telah digariskan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK). Secara ringkasnya NOSS adalah dokumen yang menggariskan ketrampilan yang diperlukan oleh seseorang pekerja mahir yang bekerja di Malaysia bagi sesuatu bidang dan tahap pekerjaan serta laluan untuk mencapai ketrampilan

tersebut (Jabatan Pembangunan Kemahiran, 2020). Namun begitu, peluang MBPK untuk mendapatkan SKM di PPKI adalah tipis sekiranya ia tidak merupakan Pusat Bertauliah Cawangan (PBC). Untuk membolehkan sesebuah PPKI itu menjadi PBC, ia perlu memenuhi kriteria seperti mempunyai guru (personel) yang telah mempunyai SKM sekurang-kurangnya SKM tahap 2 dan infrastruktur yang sesuai untuk bengkel kemahiran. Selain itu sokongan daripada pentadbir sekolah dan ibubapa serta sokongan daripada pemegang taruh juga memainkan peranan penting untuk memastikan MBPK mendapat SKM di PPKI.

Justeru itu, kajian ini dijalankan untuk meninjau kesediaan guru dari segi pengetahuan dan kemahiran dalam pelaksanaan SKM di PPKI.

LATAR BELAKANG

Program Pendidikan Khas Kementerian Pendidikan Malaysia dilaksanakan melalui Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) bagi murid masalah pembelajaran (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013k; Abdullah, 2017). Program ini diwujudkan disekolah harian biasa diperingkat rendah dan menengah (Mohd Jamil, 2019). Selain daripada sekolah harian biasa yang mempunyai kelas PPKI menengah dan melaksanakan matapelajaran kemahiran vokasional, kementerian juga telah mewujudkan beberapa buah sekolah Vokasional Pendidikan Khas bagi memenuhi keperluan dan kehendak kerajaan untuk membuka peluang dan mengetengahkan murid-murid keperluan khas dalam bidang TVET (Mohd Nasir, 2016).

Ekoran dari kurikulum baru ini, hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk memberi peluang kepada MBPK yang berpotensi dalam bidang kemahiran mengikut bakat dan minat mereka. Mata pelajaran kemahiran vokasional dipelajari di Tingkatan satu. Sekolah hanya boleh menawarkan dua mata pelajaran kemahiran vokasional. Seterusnya untuk Tingkatan dua murid hanya boleh memilih satu daripada mata pelajaran kemahiran vokasional yang ditawarkan dan perlu meneruskan bidang kemahiran yang sama bermula di Tingkatan dua hingga ke Tingkatan lima. Murid hanya memilih satu daripada mata pelajaran yang ditawarkan. Bagi murid yang lulus dan memenuhi syarat yang ditetapkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) akan menerima Sijil Kemahiran Malaysia (SKM). Senario ini menunjukkan guru adalah kunci kepada sistem pendidikan, penggubal dasar dan matlamat kurikulum (Johari et al., 2014).

Masalah yang dihadapi oleh guru PPKI ialah mereka tidak mempunyai kelayakan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) untuk melayakkan mereka menjalankan penilaian kemahiran MBPK sebelum murid berkenaan menerima sijil SKM. Guru yang mengajar Sijil Kemahiran Malaysia hendaklah dilengkapi dengan pengetahuan dan kemahiran yang berkaitan dengan matlamat, konsep, elemen, kriteria dan hasil pembelajaran (Noor, 2013). Mempunyai tahap kemahiran yang tinggi membantu guru memudahkan proses pembelajaran yang berkesan (Roslan, 2014). Terdapat guru PPKI yang tidak bersedia dan tidak berminat untuk mengajar mata pelajaran kemahiran vokasional. Bagi memastikan setiap objektif pengajaran tercapai, guru perlu lebih bersedia dengan kaedah pengajaran yang berkesan, bahan rujukan, aktiviti pembelajaran dan jadual waktu yang mencukupi untuk tempoh pengajaran. Kaedah pengajaran yang sesuai hendaklah disesuaikan dengan objektif pembelajaran kerana objektif yang diperkenalkan dalam mata pelajaran vokasional ini adalah untuk melahirkan tenaga kerja separa mahir dan mahir bagi memenuhi keperluan negara (Pihie & Asmiran 2011). Ini kerana guru Pendidikan Khas yang terlibat dengan pendidikan vokasional tidak mempunyai pengetahuan khusus yang betul memandangkan mereka tidak dilatih untuk pendidikan teknik dan vokasional (Noraini, 2013). Oleh itu adalah menjadi kewajipan setiap individu guru untuk terus meningkatkan kualiti diri dan profesionalisma dalam latihan bagi melengkapkan diri dengan kemahiran generik dan kemahiran vokasional (Kurnia, 2013). Kebanyakan guru pendidikan khas masalah pembelajaran tidak mempunyai kemahiran atau tidak mempunyai sijil berkaitan untuk mengajar. Terdapat kekangan dalam menyediakan guru yang terlatih bagi mengajar MBPK dalam mata pelajaran teknikal Tan Yao Sua (2016) & Faridah e.t (2014).

Proses pengajaran dan pembelajaran vokasional bukan hanya tertumpu kepada pembelajaran secara teori sahaja malah melibatkan aktiviti amali atau praktikal. Menurut kajian (Nurul Aida 2016 &

Noriani Salleh e.t 2005) menyatakan guru bukan hanya perlu berkemahiran pengajaran teori sahaja namun harus menguasai semua kemahiran yang terdapat dalam sukatan pengajaran berkaitan bidang vokasional. Farinah, Widad, Hairulputra Nizam & Zainudin, (2014) menyatakan guru-guru yang kurang mahir akan menghadapi kekangan untuk mentaksir pelajar serta akan berikan impak negatif pada pencapaian pelajar. Menurut Rahman Habibi (2016), guru perlu menguasai kemahiran yang melibatkan procedural dan generik bagi mempermudah proses pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan lancar. Oleh itu, jika guru kurang menguasai kemahiran dengan baik, maka proses PdPc akan turut terganggu.

Selain itu guru menghadapi cabaran dalam pelaksanaan mata pelajaran kemahiran vokasional berdasarkan KSSMPK. Guru seharusnya menjalani latihan yang mencukupi dan kemahiran tambahan bagi mencapai objektif kurikulum. Guru PPKI di sekolah menengah hanya terlatih dalam pedagogi MBPK sahaja dan kurang kemahiran untuk melaksanakan mata pelajaran kemahiran vokasional. Selaras dengan kajian Azhari & Jafar (2015), menyatakan bahawa kekangan yang akan dihadapi sekiranya guru-guru kurang bersedia dalam semua topik yang terdapat dalam kurikulum. Perancangan pengajaran yang akan disampaikan melalui pengajaran bertulis *Written Instructinal Material* (WIM) yang disediakan akan dijadikan sebagai panduan guru dalam memudahkan proses PdPc dan dijadikan penanda aras bagi melakukan aktiviti di dalam kelas. Namun modul pengajaran yang terdapat dalam WIM terlalu tinggi bagi MBPK untuk mencapai tahap terampil. Selaras dengan kajian Maini (2018) guru berperanan penting dalam menentukan kaedah PdPc yang sesuai dengan tahap keupayaan MBPK. Oleh itu, cabaran guru untuk melaksanakan kemahiran vokasional kepada MBPK yang mana kita ketahui antara mereka mempunyai tahap yang berbeza dari segi kognitif dan kemahiran.

Kesediaan guru dalam kemahiran vokasional akan dipertingkatkan melalui Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) serta latihan berpusat melalui Kementerian Pendidikan Malaysia bagi guru-guru pendidikan khas yang mengajar subjek kemahiran tingkatan satu hingga tingkatan lima. Ia bertujuan untuk memurnikan dan memantapkan tenaga pengajar sehingga memiliki SKM tahap 3. Untuk melaksanakan PPT, setiap personal perlu melampirkan bukti-bukti sahih supaya setara dengan “National Occupational Skills Standard” (NOSS). Mampukah guru pendidikan khas menyediakannya jika guru PPKI tidak menguasai semua topik yang terdapat dalam kurikulum.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk melihat kesediaan guru pendidikan khas dalam melaksanakan Sijil Kemahiran Malaysia di Program Pendidikan Khas Integrasi berdasarkan faktor demografi dan juga meninjau hubungan dengan kesediaan pengetahuan dan kemahiran guru, infrastruktur, sokongan pentadbir dan sokongan pemegang taruh.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti kesediaan pengetahuan dan kemahiran guru PPKI bagi mata pelajaran kemahiran vokasional.

Soalan Kajian

Persoalan kajian dalam kajian kes ini adalah untuk mengenalpasti kesediaan pengetahuan dan kemahiran guru PPKI bagi mata pelajaran kemahiran vokasional.

KAJIAN LITERATUR

Setiap pelajar mempunyai cara pembelajaran yang berbeza. Sebagai guru atau pendidik, harus memikirkan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang pelbagai bagi memastikan pelajar sentiasa seronok mengikuti proses pembelajaran. Perubahan yang berlaku dalam sistem pendidikan di Malaysia telah menggesa para pendidik untuk memberi penekanan kepada pembelajaran berpusatkan pelajar dan pembelajaran aktif. Hal ini dinyatakan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 – 2025 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). PPPM (2013-2025) menyatakan penglibatan aktif para pelajar dalam aktiviti pembelajaran boleh dicapai melalui kaedah pembelajaran aktif dan bukan dalam suasana pembelajaran yang pasif.

Model Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Kolb telah dijadikan rujukan sebagai kerangka kerja bagi kajian ini. Hal ini kerana model Kolb diterima sebagai cara terbaik untuk memahami kepelbagaian gaya pembelajaran dan melibatkan pelajar secara aktif dalam aktiviti pembelajaran aktif (Kolb, 1984). Dalam konteks ini, tujuan penyelidikan dijalankan adalah untuk mengenal pasti kaedah pengajaran dan pembelajaran guru dan impaknya dalam memberikan pengalaman konkrit kepada pelajar atau murid.

Setiap pelajar mempunyai cara pembelajaran yang berbeza. Sebagai guru atau pendidik, harus memikirkan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang pelbagai bagi memastikan pelajar sentiasa seronok mengikuti proses pembelajaran. Perubahan yang berlaku dalam sistem pendidikan di Malaysia telah menggesa para pendidik untuk memberi penekanan kepada pembelajaran berpusatkan pelajar dan pembelajaran aktif.

Hal ini dinyatakan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 – 2025 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). PPPM (2013-2025) menyatakan penglibatan aktif para pelajar dalam aktiviti pembelajaran boleh dicapai melalui kaedah pembelajaran aktif dan bukan dalam suasana pembelajaran yang pasif.

Model Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Kolb telah dijadikan rujukan sebagai kerangka kerja bagi kajian ini. Hal ini kerana model Kolb diterima sebagai cara terbaik untuk memahami kepelbagaian gaya pembelajaran dan melibatkan pelajar secara aktif dalam aktiviti pembelajaran aktif (Kolb, 1984). Dalam konteks ini, tujuan penyelidikan dijalankan adalah untuk mengenal pasti kaedah pengajaran dan pembelajaran guru dan impaknya dalam memberikan pengalaman konkrit kepada pelajar atau murid. Model Pembelajaran Kolb adalah satu model pembelajaran pengalaman yang telah mendapat perhatian pelbagai bidang pengajaran khususnya yang memerlukan latihan amali. Model ini dapat dijelaskan dalam bentuk satu kitaran seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 2. Kolb (1984) menerangkan dimensi pertama pada paksi menegak adalah dimensi menerima maklumat sama ada secara pengalaman konkrit dengan merasai atau konseptual abstrak iaitu secara berfikir pada kontinum yang bertentangan. Pengalaman konkrit bermaksud pelajar memperoleh maklumat dengan pengalaman langsung sementara konseptual abstrak adalah secara pemahaman konsep dan prinsipal.

Dimensi kedua ialah keupayaan memproses maklumat pada dua kontinum sama ada secara pemerhatian reflektif memerhati atau secara eksperimentasi aktif iaitu dengan melakukan. Pelajar memproses maklumat sama ada dengan refleksi secara sengaja atau secara melakukan sesuatu iaitu eksperimentasi aktif. Proses pembelajaran melibatkan konflik antara cara yang bertentangan untuk individu menerima maklumat iaitu antara pengalaman konkrit dan konseptual abstrak dan cara maklumat diproses antara pemerhatian reflektif dan eksperimentasi aktif. Cara pelajar melihat dan memproses maklumat dipengaruhi oleh pelbagai factor seperti jenis personality, latar belakang pendidikan dan kerjaya yang diceburi (Kolb, 1984).

Teori pembelajaran pengalaman Kolb (1984) menyatakan bahawa idea bukanlah satu unsur pemikiran yang tidak boleh diubah tetapi ia terbentuk dan dibentuk semula melalui pengalaman. Oleh itu, pembelajaran adalah satu proses konsep sentiasa diubahsuai oleh pengalaman. Kolb mencadangkan beberapa langkah yang perlu diambil bagi menjadikan teori ini produktif kepada pembelajaran iaitu:

- 1 Pelajar perlu terlibat secara aktif dalam aktiviti pengalaman baharu.
- 2 Menggunakan pemerhatian reflektif bagi menghubungkan pengalaman sedia ada: secara tidak langsung dari pendengaran, pembacaan dan sebagainya kepada pemerhatian baharu.
- 3 Membentuk konseptual abstrak bagi membentuk teori dan generalisasi yang logik.
- 4 Menggunakan teori baharu dalam membuat keputusan dan menyelesaikan masalah.

Model Pendidikan Vokasional dan program kerjaya yang dicadangkan oleh Polloway kerjaya yang dicadangkan oleh Polloway, Patton dan Serna (2001), latihan vokasional berasaskan sekolah. Menurut Polloway, Patton dan Serna (2001), latihan vokasional berasaskan sekolah perlu merangkumi Berdasarkan kajian-kajian yang telah dijalankan, ia boleh digunakan sebagai bahan sokongan kajian dan panduan yang digunakan oleh pengkaji dalam usaha menambahkan hasil penyelidikan ini.

METODOLOGI

Rekabentuk kajian merupakan tindakan yang memperlihatkan secara terperinci bagaimana sesuatu kajian itu dijalankan. Menurut Creswell (2008) reka bentuk kajian merupakan satu proses yang merangkumi pengumpulan data, penganalisan data, serta penulisan laporan. Dalam kajian ini, rekabentuk kajian tinjauan dan pendekatan kajian kuantitatif digunakan bertujuan untuk mengenal pasti kesediaan pelaksanaan SKM di PPKI.

Pemilihan negeri Selangor sebagai lokasi kajian adalah berdasarkan laporan kajian yang dijalankan di mana negeri Selangor merupakan negeri ketiga tertinggi penglibatan guru dalam pelaksanaan pendidikan vokasional. Lokasi kajian kemudian dikeselir lagi dengan memilih Daerah Hulu Langat sebagai lokasi akhir kajian. Sekolah ini dipilih kerana ia merupakan sekolah rintis dan mempunyai guru pendidikan khas terlatih yang mempunyai Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) tahap dua dan tiga bagi subjek kemahiran vokasional. Justeru itu, lokasi kajian ini adalah sangat sesuai dijalankan untuk mendapatkan data dan maklumat yang tepat berkaitan pelaksanaan SKM di PPKI.

Kajian ini menggunakan teknik persampelan bertujuan untuk mendapatkan maklumat dan data. Kaedah persampelan bertujuan ini dipilih kerana ia boleh mewakili objektif sesuatu penyelidikan berkaitan sesuatu fenomena atau kes yang ingin dikaji. Ia juga bagi mendapatkan maklumat yang lebih tepat bersesuaian dengan objektif dan persoalan kajian. Jumlah sampel dalam kajian ini adalah seramai 30 orang guru. Kesemua sampel yang dipilih dalam kajian kes ini dipanggil sebagai responden.

Populasi kajian adalah semua guru Pendidikan Khas (PPKI) di Daerah Hulu Langat, Selangor iaitu seramai 324 orang. Kriteria sampel kajian telah ditetapkan iaitu perlu berjawatan tetap dan bertauliah sebagai guru yang mengajar murid berkeperluan khas bermasalah pembelajaran. Persampelan dalam kajian ini menggunakan saiz sampel Krejcie dan Morgan (1970).

Satu set Soal Selidik telah diadaptasi daripada kajian lepas. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan instrument soal selidik yang dihantar melalui Google Form dan pautan diberikan kepada sampel melalui aplikasi Whatsapp. Soal selidik ini mengandungi dua bahagian iaitu Bahagian A dan B. Bahagian A adalah mengenai maklumat demografi responden dan bahagian B mengandungi item tentang tahap pengetahuan dan kemahiran guru. Skala likert lima mata digunakan untuk jawapan soal selidik iaitu 1-sangat setuju 2- tidak setuju 3-kurang setuju 4-setuju dan 5 sangat setuju.

Kesahan dan kebolehpercayaan soal selidik ditentukan menggunakan pertimbangan pakar dan nilai Cronbach Alpha. Item soal selidik dalam kajian ini perlu diuji kebolehgunaannya supaya instrument yang digunakan adalah sesuai dan mampu menjawab persoalan kajian. Kesahan bagi item soal selidik yang dijalankan dalam kajian ini disahkan oleh seorang pakar dan mempunyai pengalaman lebih daripada 30 tahun dalam bidang Pendidikan Khas. Terlebih dahulu pengkaji mendapatkan kelulusan daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pelajaran

Malaysia, Pengarah Jabatan Pelajaran Selangor, Guru Besar, Guru Penolong Kanan pendidikan Khas dan guru PPKI yang terlibat bagi memastikan kelancaran dalam pelaksanaan kajian ini. Pengkaji juga akan menjalankan satu kajian rintis terhadap 30 orang responden yang terdiri daripada guru yang mengajar murid bermasalah pembelajaran di sekolah-sekolah yang tidak terlibat dalam kajian yang mempunyai ciri-ciri yang sama dengan ciri-ciri sampel kajian.

Kajian yang dilaksanakan adalah berdasarkan prosedur kajian yang telah ditetapkan supaya objektif kajian dapat dicapai. Prosedur kajian dimulakan dengan:

1. Perbincangan bersama penyelia melibatkan perkara-perkara seperti mengenal pasti masalah, tajuk dan objektif kajian, pengumpulan maklumat berkaitan masalah yang telah dibincangkan, mengenal pasti peserta kajian dan kaedah yang digunakan untuk menganalisis data.
2. Menetapkan kaedah kajian berdasarkan matlamat dan objektif kajian. Pengkaji akan mendapatkan surat kelulusan terlebih dahulu dari pihak Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia, Pejabat Pelajaran Daerah dan Surat Pengesahan Status pelajar dari Universiti Pendidikan Sultan Idris.
3. Kemudian pengkaji perlu mendapatkan persetujuan dengan pihak pentadbiran sekolah yang terlibat bagi menjalankan kajian ke atas guru mereka.

Setelah semua kebenaran diperolehi, pengkaji akan melaksanakan kajian mengikut masa yang telah ditetapkan untuk tujuan pengumpulan data. Pelaksanaan setiap kaedah bagi kajian kes tersebut ditadbir sendiri oleh pengkaji.

KESIMPULAN

Perlaksanaan SKM di PPKI untuk MBPK memerlukan guru pendidikan khas yang mempunyai ilmu pengetahuan, kemahiran dan sikap professional agar dapat menyampaikan pengajaran secara holistic kepada murid bermasalah pembelajaran secara menyeluruh. Pendidikan yang sempurna mengikut tahap keupayaan murid membuktikan kejayaan seorang guru itu dalam membantu MBPK untuk Berjaya mendapatkan SKM. Guru PPKI perlu bersedia dari aspek ilmu pengetahuan dan kemahiran.

Guru PPKI akan menjadi lebih bersedia sekiranya mempunyai kemahiran dan cekap untuk melaksanakan pengajaran kemahiran menerusi latihan dan kursus berkaitan selain dapat meningkatkan lagi motivasi serta semangat dalam diri guru Pendidikan Khas. Kursus dan latihan peringkat dalaman "In House Training" yang diadakan di jabatan dan webinar turut menjadi medium utama untuk para guru berkongsi ilmu serta bertukar idea untuk melakukan penambahbaikan dalam merancang dan membina rancangan pengajaran harian guru.

RUJUKAN

- Abdullah, N., Yasin, MHM, & Abdullah, NA (2015). Pelaksanaan kolaborasi antara agensi dalam pendidikan vokasional pelajar dengan masalah pembelajaran ke arah penyediaan pengalaman kerjaya. *Sains Sosial Asia, 11 (18)*, 183.
- Abdullah, N., Yasin, M. H. M., Deli, A. A. A., & Abdullah, N. A. (2015). Vocational education as a career pathway for students with learning disabilities: Issues and obstacles in the implementation. *International Journal of Education and Social Science, 2(3)*, 98-104.
- Abdul Malek Abdul Rahman, Siti Zubaidah, Samsiah Jais, & Nor Junainah Mohd Isa. (2014). Competency level of the counselor in secondary schools in Malaysia. *International Journal of Education and Research, 2(3)*, 1-12 (*Tahap Latihan dan kemahiran guru Pendidikan khas menghadapi cabaran*)
- Azahari, N., Hamzah, I., & Mohd Yasin,, M. (2020). TAHAP LATIHAN DAN KEMAHIRAN GURU PENDIDIKAN KHAS. *Jurnal Penyelidikan TEMPAWAN Jilid XXXVII 2020*, 1-11.
- Abdul R, H. ((2016)). Kesediaan Pengetahuan.
- Ahmad, S., Wan Abdul Jali, W., & Abdul Rahman(, R. (2020). SKM-KVS Pre-Pilot Program for Pastry Making: Pastry Production Skills by Special Needs Pupils (Mbk) in Tvet Curriculum Collaboration with Sungai Petani Community College. *International Conference on Special Education In South East Asia*

- Region 10th Series 2020, Volume 4,*, 1-16. doi:<https://doi.org/10.32698/GCS04308>
- D. A, K. (. 1984). *Experiential learning as a source of development. New Jersey: Prentice.*
- Faridah Mariani, J., Widad, O., Hairul Nizam, I., & Zainudin, I. (2014). Isu dan Cabaran Pelaksanaan Pendidikan Asas Vokasional (PAV). *TEACHING AND LEARNING IN THE 21ST CENTURY*., 1-9.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2016). *Surat Pekeliling Iktisas KPM bil.9*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2020). *KPM*. Putrajaya.
- Mohamad, Y. M. (2019, 2013).
- Mohd, N., & Siti Nor, I. (2016). Pelaksanaan program transisi kerjaya (PTK) murid berkeperluan pendidikan khas (MBPK) masalah pembelajaran (MP). (U. T. Malaysia, Ed.)
- Nurul Farahah, D., & Suziyani, M. (n.d.). Kesediaan Guru Pendidikan Khas dalam Melaksanakan Mata Pelajaran Asas Tanaman. *JURNAL ORTOPEDAGOGIA, VOLUME 4 NOMOR 1 JULI*, 66-71.
- Ismail, Suriana. 2012. Kesediaan guru terhadap pelaksanaan mata pelajaran Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) sekolah rendah di Malaysia. Tesis sarjana. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Krejcie, R. V. & Morgan, D.W. 1970. Determining Sample Size For Research Activities. *Educational And Psychological Measurement*. 30(3): 607-610.
- Mohamed Yusof, A.Mohd Ali, M.& Mohd Noor, N. (2020). Penerapan Kemahiran Kebolehgajian terhadap Murid Berkeperluan Pendidikan Khas. *Online Journal for TVET Practitioners*, 5(1), 36-42.
- Suhaimie Moridan. 2013. *Kesediaan Guru Melaksanakan Rancangan Pendidikan Individu Dalam Pendidikan islam bagi Pelajar Pendidikan Khas*. Fakulti Pendidikan : Universiti Teknologi Malaysia